

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
KAWASAN : **SELAYANG**
TARIKH : **11.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN : **6**

YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan TPPA khususnya pendirian Malaysia ke atas peruntukan pertikaian pelabur-negeri.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Mesyuarat Ketua-Ketua Perunding TPP telah diadakan di Ho Chi Minh City, Vietnam dari 12-15 Mei 2014 diikuti dengan Mesyuarat Menteri-Menteri TPP dari 19-20 Mei 2014 di Singapura.

Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri yang diadakan di Singapura, Malaysia masih terus mengekalkan mandat yang diberi oleh Jemaah Menteri mengenai isu-isu di mana Malaysia mempunyai kepentingan seperti isu-isu dalam bab pelaburan (khususnya dalam Investor State Dispute Settlement – ISDS), alam sekitar, perolehan kerajaan, syarikat hak milik kerajaan – SOE dan hak harta intelek. Tidak ada kemajuan

yang dicapai memandangkan sesetengah negara masih mempunyai sensitiviti yang tidak dapat ditangani. Pasukan perunding Malaysia sedang berunding untuk mencapai fleksibiliti yang diperlukan supaya kepentingan dan kedaulatan negara terjamin.

2. Isu-isu di bawah pelaburan termasuk mekanisme pertikaian pelabur-negara (ISDS) masih dirundingkan. Tidak ada persefahaman atau persetujuan yang telah dicapai mengenai isu ini. Dalam proses rundingan TPPA, Malaysia meletakkan ruang membuat dasar oleh Kerajaan sebagai salah satu perkara paling sensitif bagi Malaysia di mana kepentingan negara perlu dilindungi. Bagi semua isu ISDS yang sedang dirundingkan, Kerajaan sentiasa menentukan supaya peruntukan yang dirundingkan mempunyai tahap safeguard atau perlindungan yang bersesuaian untuk memastikan bidang-bidang kawal selia tidak terjejas serta tidak menghalang hak Kerajaan untuk menggunakan, mengekalkan, menguatkuasakan atau mengambil langkah domestik yang perlu dalam melindungi kepentingan negara.